

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 7/1979**

=====

PERJANJIAN MENAMBUN DAN MERATA BEKAS LOMBONG

Semua kelulusan Permohonan Tanah Lombong hendaklah ditandatangani satu perjanjian menambun tanah dan merata lubang-lubang dan tambunan-tambunan tanah disebabkan oleh kerja-kerja melombong mengikut contoh yang disediakan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian di dalam Surat Pekelilingnya Bil. 2/75 selepas Sijil Galian dikeluarkan.

2. Pada masa ini ada didapati lombong-lombong yang sudah luput tempohnya tetapi tapak-tapak lombong itu ditinggalkan begitu sahaja . Lawatan udara boleh memberi gambaran yang jelas. Jika hendak dimajukan tapak itu terpaksa Kerajaan menambun dan meratakan. Lubang-lubang lombong ini hendaklah ditambun dan diratakan mengikut perjanjian yang telah ditandatangani.

3. Di dalam tindakan ini, laporan teknikal bolehlah diminta daripada Merinyu Kanan Galian diatas kerja menambun dan merata kawasan itu selepas 6 Bulan selepas habis tempoh pajakan tanah lombong itu. Pemungut Hasil Tanah boleh membuat lawatan sendiri atau mengarahkan Pegawai Petempatan melawat dan menentukan samada Perjanjian dipatuhi atau tidak berkenaan dengan menambun dan merata, mencegah setinggan dan merosakkan kepada tanah-tanah jiran. Satu laporan hendaklah disediakan oleh Pegawai Petempatan yang menjelaskan samada Perjanjian itu sudah dipatuhi atau tidak. Pemungut Hasil Tanah berdasarkan laporan Pegawai Petempatan itu hendaklah membuat satu laporan kepada Pengarah Tanah dan Galian samada fail permohonan tanah lombong itu boleh ditutup atau tindakan patut diambil untuk mendenda pemegang Pajak / Sijil kerana tidak mematuhi Surat Perjanjian. Pemungut Hasil Tanah hendaklah memperakukan banyaknya denda yang patut dikenakan berpandu kepada kesalahan.

4. Sebelum tindakan selanjutnya diambil, perkara ini akan dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang Negeri samada patut dituntut wang jaminan di dalam Surat Perjanjian itu kerana mungkir janji.

T.T
(DATUK RAJA BRIMA SULONG BIN RAJA ROME)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL. 1917(33)

SHAH ALAM
17HB JULAI 1979